

Sungai Petani calon Dr M, Pak Lah

BH - 2 APR 2000

KUALA LUMPUR: Umno Bahagian Sungai Petani yang mengadakan mesyuarat semalam, mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai Presiden dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bagi jawatan Timbalan Presiden.

Dengan pencalonan itu, Perdana Menteri dan timbalannya yang masing-masing sudah menang tanpa bertanding untuk pemilihan Mei ini, kini mendapat 150 dan 149 pencalonan.

Persidangan yang diadakan di Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim itu turut mencalonkan Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak; bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dan Menteri Luar, Datuk Seri Sved Hamid Albar untuk jawatan Naib Presiden.

Naiib kini terus mendahului dengan 138 pencalonan, Muhammad (28), Syed Hamid (36) manakala Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman (75); Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Abu Hassan Omar (50) dan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Muhyiddin Yassin (30).

Menteri Besar Negeri Sembilan, Tan Sri Mohd Isa Samad pula (25); Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim (20); Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan, Tengku Razaleigh Hamzah (13); Menteri Besar Perak, Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali (3) dan bekas Menteri Besar Kedah, Tan Sri Sanusi Junid (1).

Di Ipoh, Pemangku Ketua Pergerakan Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, menerima dua lagi pencalonan untuk bertanding jawatan itu, masing-masing dari bahagian Kuala Kangsar dan Bukit Gantang.

Kedua-dua pergerakan bahagian itu dalam mesyuaratnya semalam turut mencalonkan Datuk Abdul Aziz Sheikh Fadzir bagi jawatan Naib Ketua.

Keputusan itu melengkapkan mesyuarat 23 bahagian pergerakan itu di Perak selepas 21 bahagian selesai bermesyuarat, minggu lalu. Ini bermakna semua bahagian di Perak mencalonkan Hishammuddin untuk jawatan Ketua Pemuda Umno.

Pencalonan Hishammuddin dan Aziz juga selaras saranan Pergerakan Pemuda Umno Perak agar semua bahagian pergerakan itu di negeri itu mencalonkan mereka bagi jawatan nombor satu dan dua Pemuda Umno.

Mesyuarat Pemuda Umno bahagian Kuala Kangsar berjalan lancar dengan 157 perwakilan dari 47 cawangan menyerahkan kepada Ketua Pemuda, Wan Khair-il Anuar Wan Ahmad untuk mencalonkan Hishammuddin dan Abdul Aziz bagi jawatan Ketua dan Naib Ketua Pemuda.

Pemuda Umno bahagian Kuala Kangsar dan Bukit Gantang turut mencalonkan Ketua Pemuda Umno Perak, Jamal Nasir Rasdi untuk jawatan Pengerusi Tetap Pemuda Umno.

Sementara itu, Wanita Umno bahagian Kuala Kangsar mencalonkan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz yang juga Ahli Parlimen Kuala Kangsar untuk bertanding jawatan ketua pergerakan itu, manakala Datuk Shahrizat Abdul Jalil sebagai Naib Ketua Wanita.